



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM MENGENANG NEGARAWAN
YTM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJJ
“NEGARAWAN SEJUTA JASA”**

**5 OGOS 2024 (ISNIN)
2.00 PETANG**

**PIAZZA, PAVILION BUKIT JALIL
KUALA LUMPUR**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

*(*akan disediakan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri kerana sudi mewakili YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk merasmikan program pada hari ini.
2. Program Mengenang Negarawan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj "Negarawan Sejuta Jasa" ini diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia. Untuk makluman semua, Program Mengenang Negarawan adalah satu program *signature* Arkib Negara Malaysia yang dilaksanakan pada setiap tahun bagi mengenang dan memperingati jasa serta sumbangan para negarawan yang diabadikan dalam Arkib Memorial.
3. Kementerian Perpaduan Negara menyokong penuh pelaksanaan program ini iaitu salah satu program yang mendukung inisiatif '**Ini Warisan Kita**' di bawah Teras Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintakan Negara. Melalui program ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara dan legasi negarawan.

4. Sempena program ini, terdapat pameran eksklusif dengan tema “Negarawan Sejuta Jasa” yang memaparkan koleksi khas Tunku seperti kereta merdeka dan banyak lagi. Selain itu, peragaan bahan-bahan objek, naratif pameran juga dipersembahkan melalui *digital standee* kiosk.
5. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Akademi Kenegaraan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jabatan Pendidikan Selangor dan Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang turut sama menjayakan program ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Pada awal pembentukan Malaysia, Bapa Kemerdekaan kita, Tunku Abdul Rahman telah membayangkan pembentukan sebuah masyarakat Malaysia dimana semua rakyatnya dimartabatkan tanpa mengira bangsa, agama dan budaya.
7. Dalam usaha untuk meneruskan visi beliau tersebut, Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah badan berkanun yang menyediakan bantuan kewangan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Sejak penubuhannya, YTAR telah membantu seramai 9,000 pelajar dan menyasarkan untuk membantu lebih 1,000 pelajar bagi tempoh lima tahun akan datang.

8. Kini YTAR akan terus memberi fokus menyediakan bantuan Pendidikan melalui Biasiswa Tunku Abdul Rahman serta menjalankan program iaitu *Closing The Gap* dan *Future Ready* yang akan meningkatkan kebolehpasaran graduan B40.

9. Sebagai menghargai dan memperingati sumbangan dan jasa Almarhum Tunku, Jawatankuasa Memorial Kebangsaan telah memutuskan untuk mengabadikan sebuah memorial buat Tunku. Pembiayaan projek pembinaan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra ini adalah daripada dana kerajaan dan sumbangan orang ramai terutamanya syarikat-syarikat swasta selaras dengan konsep Pensyarikatan Malaysia yang diperkenalkan ketika itu.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengalu-alukan seluruh rakyat Malaysia untuk melawat Memorial Tunku Abdul Rahman Putra yang terletak di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. Melalui memorial ini kita akan dapat mengenali Tunku dengan lebih dekat dan mencontohi pengorbanan, jasa dan sumbangan Tunku kepada negara.

Sekian, terima kasih.